

**PROMOSI GANJARAN HLB WALLET/-i RAYA [\(English Version\)](#)**

Kemas kini terakhir pada 20 Mac 2025

**TEMPOH PROMOSI**

"Promosi Ganjaran HLB Wallet/HLB Wallet-i Raya" ("Promosi") Hong Leong Bank Berhad [193401000023 (97141-X)] ("HLB") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad [200501009144 (686191-W)] ("HLISB") (secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") bermula pada 20 Mac 2025 dan berakhir pada 30 Jun 2025 ("**Tempoh Promosi**"), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan dimaklumkan sebaliknya.

**TERMA & SYARAT**

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ("**T&S**"):

**KELAYAKAN**

1. "**Akaun Penyertaan**" untuk Promosi ini ialah:
  - (a) Akaun HLB Wallet; dan
  - (b) Akaun HLB Wallet-i
2. Promosi ini terbuka kepada semua pemegang akaun semasa/simpanan individu baharu atau sedia ada bagi Akaun Penyertaan ("**Pelanggan**") yang merupakan warganegara Malaysia.
3. Mana-mana Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, kesalahan undang-undang atau kesalahan berhubung dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh Bank atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga atau tertakluk pada sebarang prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi atau telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam T&S ini, Terma dan Syarat Am Akaun dan terma dan syarat yang terpakai untuk Akaun Penyertaan (secara kolektif dirujuk sebagai "**Terma dan Syarat yang Berkenaan**"), mana-mana undang-undang yang terpakai termasuk Notis Dasar Pertukaran Asing ("**Undang-undang yang Berkenaan**") **TIDAK** layak untuk menyertai dan/atau akan dibatalkan serta-merta daripada menyertai Promosi.

**MEKANISMA & PELAKSANAAN PROMOSI****PROMOSI INI TERBAHAGI KEPADA DUA (2) SEGMENT, IAITU PROMOSI A DAN PROMOSI B.****PROMOSI A: HLB WALLET/HLB WALLET-i GANJARAN ALU ALUAN**

4. Promosi A terbuka kepada pelanggan baharu yang merupakan individu warganegara Malaysia dan yang tidak mempunyai mana-mana Akaun Penyertaan seperti yang disenaraikan di bawah Klausa 1 di atas dengan Bank sebelum Tempoh Promosi ("**Pelanggan Baharu**").
5. Pelanggan Baharu yang memenuhi Kriteria Kelayakan Promosi A seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 1** di bawah ("**Pelanggan Layak Promosi A**") dan memenuhi Baki Akhir Bulanan ("**MEB**") minimum di bawah akan layak mendapat salah satu daripada Ganjaran Tunai seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 1** di bawah:

**Jadual 1**

Tindakan	Kriteria Kelayakan Promosi A	Ganjaran Tunai Promosi A
Berjaya membuka Akaun Penyertaan semasa Tempoh Promosi dan memenuhi syarat mengekalkan MEB minimum yang ditetapkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berjaya membuka Akaun Penyertaan melalui aplikasi mudah alih Apply@HLB; dan</li> <li>Mengekalkan MEB minimum <b>Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000)</b> selama dua (2) bulan berturut-turut dari tarikh pembukaan akaun, termasuk bulan pembukaan Akaun Penyertaan</li> </ul>	RM10*
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berjaya membuka Akaun Penyertaan melalui aplikasi mudah alih Apply@HLB; dan</li> <li>Mengekalkan MEB minimum sebanyak <b>Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)</b> selama dua (2) bulan berturut-turut dari tarikh pembukaan akaun, termasuk bulan pembukaan Akaun Penyertaan</li> </ul>	RM30*

\* Tertakluk pada Peruntukan Ganjaran Tunai Bulanan dan Jumlah Peruntukan Ganjaran Tunai dalam Jadual 3 di bawah.

6. Senario kelayakan tempoh pembukaan akaun dan mengekalkan MEB minimum digambarkan seperti Jadual 2 di bawah.

**Jadual 2**

Contoh di bawah menunjukkan pembukaan Akaun Penyertaan yang berjaya – Akaun HLB Wallet/ Akaun HLB Wallet-i:

Senario	Tarikh Pembukaan Akaun yang Berjaya	MEB		Promosi Ganjaran Tunai	Keterangan
		Bulan 1	Bulan 2		
A	1 April 2025	RM5,000 pada 30 April 2025	RM5,000 pada 31 Mei 2025	RM30	Memenuhi SEMUA Kriteria Kelayakan Promosi A *
B	1 April 2025	RM2,000 pada 30 April 2025	RM2,000 pada 31 Mei 2025	RM10	Memenuhi SEMUA Kriteria Kelayakan Promosi *
C	1 April 2025	RM1,000 pada 30 April 2025	RM2,000 pada 31 Mei 2025	RM0	Membuka Akaun Penyertaan tetapi tidak mengekalkan MEB sebanyak RM2,000 selama dua (2) bulan berturut-turut, oleh itu tidak layak mendapat ganjaran tunai RM10.

\* Tertakluk pada Peruntukan Ganjaran Tunai Bulanan Promosi A dan Jumlah Peruntukan Ganjaran Tunai Promosi A seperti dalam Jadual 3 di bawah.

7. Bagi tujuan Promosi A ini, Pelanggan yang layak untuk Promosi A akan dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak Promosi A**".

Ganjaran Tunai untuk Promosi A akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pelanggan Layak Promosi A mengikut Tempoh Pengkreditan Ganjaran Tunai masing-masing berdasarkan Tempoh Pembukaan Akaun Penyertaan yang Berjaya seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah;

**Jadual 3**

Tempoh Pembukaan yang Berjaya	Tempoh Pengkreditan Ganjaran Tunai	Peruntukan Ganjaran Tunai Bulanan Promosi A	Peruntukan Ganjaran Tunai Keseluruhan Promosi A
20 Mac 2025 – 31 Mac 2025	Pada 25 Mei 2025	RM12,500	RM50,000
1 April 2025 – 30 April 2025	Pada 25 Jun 2025	RM12,500	
1 Mei 2025 – 31 Mei 2025	Pada 25 Julai 2025	RM12,500	
1 Jun 2025 – 30 Jun 2025	Pada 25 Ogos 2025	RM12,500	

8. Jumlah Ganjaran Tunai yang diperuntukkan untuk Promosi A ini dihadkan pada **Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) ("Jumlah Peruntukan Ganjaran Tunai Promosi A")** dengan Peruntukan Pulangan Tunai Bulanan dihadkan pada **Ringgit Malaysia Dua Belas Ribu Lima Ratus (RM12,500) ("Peruntukan Ganjaran Tunai Bulanan Promosi A")** seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di atas berdasarkan **siapa cepat dia dapat**. Walau bagaimanapun T&S di sini, tiada Ganjaran Tunai Promosi A akan diberikan sebaik sahaja had yang dinyatakan di atas telah dicapai. Bank tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Pelanggan Layak Promosi A sekiranya Peruntukan Ganjaran Tunai Bulanan Promosi A dan/atau Jumlah Peruntukan Ganjaran Tunai Promosi A telah mencapai hadnya.
9. Sekiranya Peruntukan Ganjaran Tunai Bulanan Promosi A yang dinyatakan dalam Jadual 3 di atas untuk Tempoh Pengkreditan Ganjaran Tunai tidak dipenuhi, baki yang tinggal akan dibawa ke Tempoh Pengkreditan Ganjaran Tunai seterusnya.
10. Pengkreditan Ganjaran Tunai Promosi A akan ditunjukkan dalam e-penyata bulanan Akaun Penyertaan. Sekiranya akaun Pelanggan Layak Promosi A ditutup atau tidak aktif atas apa-apa sebab sebelum atau semasa Ganjaran Tunai Promosi A dikreditkan, kelayakan Pelanggan Layak Promosi A akan dibatalkan daripada menerima Ganjaran Tunai Promosi A, dan Ganjaran Tunai Promosi A akan dibatalkan.
11. Pelanggan Layak Promosi A mesti mengekalkan Akaun Penyertaan yang aktif dan sah sebelum Tempoh Pengkreditan Ganjaran Tunai Promosi A (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di atas) dan Pelanggan Layak Promosi A tidak boleh melanggar mana-mana T&S Promosi ini (kecuali Klausula 13 hingga 21 di bawah yang terpakai untuk Promosi B), Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma & Syarat yang terpakai untuk Akaun Penyertaan (secara kolektif dirujuk sebagai "**Terma dan Syarat yang Berkenaan untuk Promosi A**") dan/atau mana-mana Undang-undang yang Berkenaan untuk membolehkan pengkreditan Ganjaran Tunai Promosi A.
12. Sekiranya Pulangan Tunai Promosi A tidak dikreditkan pada atau sebelum Tempoh Pengkreditan Ganjaran Tunai yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di atas, Pelanggan Layak Promosi A hendaklah memaklumkan kepada Bank dalam tempoh satu (1) bulan selepas tamat Tempoh Pengkreditan Ganjaran Tunai tersebut, jika gagal, Pelanggan Layak Promosi A dianggap telah menerima Ganjaran Tunai Promosi A.

**PROMOSI B: PULANGAN TUNAI TANPA HAD HLB WALLET/HLB WALLET-i**

13. Pelanggan berhak mendapat pulangan tunai tanpa had seperti yang dinyatakan dalam Klausula 17 di bawah ("**Pulangan Tunai Promosi B**") untuk Pembayaran Digital Layak semasa Tempoh Promosi, tertakluk pada T&S ini (kecuali Klausula 4 hingga 12 di atas yang terpakai untuk Promosi A).

14. Untuk tujuan Promosi B ini, "**Pembayaran Digital Layak**" ditakrifkan sebagai transaksi pembayaran yang dibuat daripada HLB Wallet/HLB Wallet-i melalui HLB Connect Dalam Talian dan Aplikasi HLB Connect ("**HLB Connect**") seperti berikut:
  - Bayaran QR (DuitNow QR) kepada perniagaan sahaja;
  - Pindahan Dana;
  - Bayaran Bil; dan
  - Tambah Nilai Prabayar.
15. Untuk mengelakkan keraguan, Pindahan Dana merujuk kepada pindahan DuitNow ke akaun pihak ketiga, pindahan DuitNow ke nombor mudah alih pihak ketiga, Pindahan Pihak Ketiga dan Pindahan IBG. Pindahan akaun sendiri dan pindahan luar negara adalah DIKECUALIKAN.
16. Bagi tujuan Promosi B ini, Pelanggan yang layak untuk Promosi B akan dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak Promosi B**".
17. Pulangan Tunai Promosi B akan dikreditkan serta-merta ke dalam Akaun Penyertaan Pelanggan Layak Promosi B dan rekod pengkreditan akan ditunjukkan dalam sejarah transaksi Akaun Penyertaan Pelanggan Layak Promosi B serta-merta.
18. Butiran Pulangan Tunai Promosi B yang layak diterima oleh Pelanggan Layak Promosi B adalah seperti berikut:

Pembayaran Digital Layak	Pulangan Tunai Promosi B Setiap Bayaran (RM)	Bayaran Minimum untuk Layak (RM)	Pulangan Tunai Promosi B Bulanan Maksimum	
			Bilangan Transaksi Yang Layak (#)	Jumlah Pulangan Tunai Promosi B (RM)
Bayaran QR (DuitNow QR) kepada perniagaan sahaja	0.25	15	Tiada had	Tiada had
Pindahan Dana	0.25	50	6	1.50
Bayaran Bil	1	50	Tiada had	Tiada had
Tambah Nilai Prabayar	1	50	Tiada had	Tiada had
<b>Jumlah Pulangan Tunai Promosi B Maksimum semasa Tempoh Promosi</b>				<b>Tiada had</b>

19. Untuk mengelakkan keraguan, selepas Tempoh Promosi, Pelanggan Layak Promosi B akan terus menikmati pulangan tunai HLB Wallet/HLB Wallet-i sedia ada sehingga Ringgit Malaysia Seratus Dua Puluh (RM120) setahun, dihadkan pada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) sebulan, tertakluk pada terma dan syarat dalam Terma dan Syarat HLB Wallet/HLB Wallet-i.
20. Untuk mengelakkan keraguan, Akaun Penyertaan Pelanggan Layak Promosi B MESTI kekal sah/aktif dan dalam kedudukan yang baik sebelum pengkreditan Pulangan Tunai Promosi B dan Pelanggan Layak Promosi B tidak boleh melanggar mana-mana Terma dan Syarat Terpakai untuk layak mendapat Pulangan Tunai (kecuali Klausula 4 hingga 12 di atas yang terpakai kepada Promosi A). Jika gagal, Pelanggan Layak Promosi B akan hilang kelayakan secara automatik untuk menyertai Promosi ini dan menerima Pulangan Tunai Promosi B.
21. Pelanggan Layak Promosi B bertanggungjawab untuk menghubungi pihak Bank sekiranya tidak menerima Pulangan Tunai Promosi B dalam masa dua (2) bulan selepas Tempoh Promosi, jika tidak, Pelanggan Layak Promosi B dianggap telah menerima Pulangan Tunai tersebut dan sebarang tuntutan bayaran balik selepas itu tidak akan dilayan.

## **UMUM**

22. Dengan menyertai promosi ini, Pelanggan
  - (a) mengesahkan bahawa telah membaca, memahami, menerima, dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang Berkenaan;
  - (b) bersetuju bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi adalah tepat, muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan;
  - (c) bersetuju untuk mengakses Laman Sesawang Bank secara berkala untuk melihat T&S dan memastikan mengikuti sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
  - (d) bersetuju bahawa Pulangan Tunai tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek, atau faedah dalam bentuk apa pun; dan
  - (e) bersetuju untuk bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai, fi kerajaan, atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
23. Bank berhak:
  - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian T&S terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan memaparkannya dalam Laman Sesawang Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) dan [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("**Laman Sesawang Bank**") dengan memberi notis awal kepada Pelanggan;
  - (b) menggugurkan kelayakan secara automatik mana-mana Pelanggan yang:
    - (i) telah melakukan pada masa lalu atau disyaki melakukan pada masa kini sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan kemudahan yang diberikan oleh Bank;
    - (ii) menghadapi prosiding kebangkrapan atau telah diisytiharkan muflis sebelum, semasa, atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
    - (iii) melanggar mana-mana Terma dan Syarat Berkenaan pada bila-bila masa sebelum, semasa, atau selepas Tempoh Promosi; dan
  - (c) untuk membatalkan dan mengambil semula Pulangan Tunai yang telah dibayar jika terdapat penipuan yang dikesan atau ketidakpatuhan terhadap mana-mana T&S Promosi ini.
24. Selain daripada T&S yang dinyatakan di sini, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Berkenaan hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai satu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat percanggahan, T&S ini akan diguna pakai untuk percanggahan tersebut.
25. Jika terdapat percanggahan antara T&S yang dinyatakan di sini dan sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti, dan bahan lain yang berkaitan atau berhubung dengan Promosi ini, T&S di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
26. T&S Promosi ini akan diatur dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
27. Kata-kata yang merujuk kepada satu jantina merangkumi semua jantina lain dan kata-kata yang merujuk kepada tunggal merangkumi jamak dan sebaliknya.

**Produk Deposit-i adalah akaun deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.**

**Ahli PIDM. Akaun Sertaan dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-7626 8899.